



**PUSAT DARAH NEGARA**  
**NATIONAL BLOOD CENTRE**  
JALAN TUN RAZAK  
50400 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA



Telefon : 603 - 2613 2688  
Faksimili : 603 - 2698 0362  
Laman Web : [www.pdn.gov.my](http://www.pdn.gov.my)

Rujukan : PDN. 200 - 4 / 1 / 4 (17)  
Tarikh : 2 Januari 2020

Ketua Komunikasi Korporat  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMBUKAAN PUSAT KUTIPAN DARAH PUSPANITAPURI DONATION SUITE  
PUSAT DARAH NEGARA, PRESINT 10 PUTRAJAYA**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa secara purata, hampir 2,000 beg darah diperlukan di seluruh Malaysia untuk kegunaan lebih kurang 1,000 orang pesakit setiap hari. Di Lembah Klang sahaja, lebih kurang 3,700 bag darah diperlukan setiap minggu. Oleh itu, kerjasama yang erat di antara Pusat Darah Negara (PDN) bersama setiap lapisan masyarakat sangat penting untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai pendermaan darah bagi memastikan bekalan darah sentiasa mencukupi dalam membantu pesakit di negara ini.

3. Sukacita dimaklumkan, Pusat Darah Negara akan memulakan operasi bagi memudahkan penderma darah di kawasan Putrajaya dan sekitarnya dengan pembukaan Puspanitapuri Donation Suite PDN, Putrajaya pada **7 Januari 2020**. *Sofycopy* Infografik dan waktu operasi Puspanitapuri Donation Suite PDN, Putrajaya dilampirkan bersama. Sehubungan itu, saya dengan berbesar hati ingin memohon kerjasama dari pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan untuk membantu dalam menyiarkan infografik pembukaan Puspanitapuri Donation Suite PDN, Putrajaya di **postmaster** kementerian YBhg Dato'/Tuan/Puan untuk mewartakan berita baik ini kepada semua warga kerja kementerian YBhg Dato'/Tuan/Puan untuk mempromosikan kesedaran pendermaan darah dan menyeru penderma darah untuk tampil menderma darah secara tetap.

5. Segala kerjasama yang diberikan mengenai perkara ini amat dihargai. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Pn. Chan Siew Chooi, di talian 03-2613 2688 ext : 2780/5613.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah

**(DR. NORIYATI BT. ABU AMIN)**  
No. Pendaftaran Penuh MPM : 31319  
Pegarah  
Pusat Darah Negara  
Kuala Lumpur